

Ulasan / *Reviews*

Lukisan sebagai Media Ekspresi, Naratif dan Analisis bagi Kanak-Kanak

*Kompleks Masyarakat Penyayang, Pulau Pinang
15–18 Ogos 2006*

Abdul Latiff Mohidin pernah mengungkapkan kata-kata ini, “*Dari titik-titik ... aku melukis garisan*” (Abdul Latiff Mohidin, 1988). Jika kita menjadikannya sebagai satu pegangan, yang jelas di sini adalah kita boleh mengandaikan bahawa bahasa lukisan merupakan sebuah bahasa yang bersifat universal. Dalam erti kata lain ia diguna pakai oleh kebanyakan masyarakat di dunia dalam apa jua cara sekalipun untuk menyampaikan mesej atau berkomunikasi. Mungkin ini yang boleh kita ketemui persamaan itu terhadap seorang artis yang berpengalaman dalam mendidik kanak-kanak untuk mengerti dan memahami bahasa lukisan sebagai satu wadah komunikasi dalam menyampaikan sesuatu maksud. Beliau adalah Moelyono atau lebih mesra dengan panggilan *Pak Moel Guru Nggambar* di kalangan kanak-kanak di kampung halamannya di Indonesia.

Beliau mengunjungi kawasan-kawasan pendalaman seperti Brumbun, Nggerangan, Desa Wonorejo Tulungagung (hanya sekadar menyebut beberapa nama) di sekitar wilayah Indonesia untuk mengajar kanak-kanak yang usianya di antara 2 hingga 14 tahun membuat lakaran atau lukisan. Kaedahnya mudah, pertama, meminta kanak-kanak menghasilkan lakaran kasar bulatan atau garis panjang dan lurus, kemudian kanak-kanak bebas menghasilkan objek dan bercerita dengannya (M. Taufiqurrahman, *The Jakarta Post*, Jakarta 2006). Mencoret atau melakar garisan

adalah senjata bagi Moelyono untuk membina pemikiran kreatif kanak-kanak dan betapa pentingnya menggambar atau menghasilkan sebuah lukisan boleh mencapai tujuan tersebut. Dengan berbekalkan batu, kayu, cangkerang dan sebatang ranting, yang dibawa berlari di sepanjang pantai, Moelyono cuba mengajak kanak-kanak berimajinasi terhadap alam pemikiran mereka. Menurut beliau, menggalakkan stimulasi dan afeksi (daya khayalan) adalah penting dalam tumbesaran selain gizi pemakanan yang cukup bagi seorang kanak-kanak sebagai bekal kepada pembangunan generasi yang cemerlang pada masa hadapan. Dengan keyakinan bahawa pendidikan secara holistik itu penting, telah membawa dirinya bergerak dari Indonesia ke Malaysia bagi berkongsi bersama-sama melakar atau mencoret dengan masyarakat di sini tidak kira sama ada sebagai seorang kanak-kanak kecil mahupun individu itu adalah pengusaha taman kanak-kanak, pengasuh kanak-kanak di institusi pendidikan rendah, guru, ataupun sebagai ibu atau bapa.

Apa yang diketengahkan oleh Moelyono terhadap sekumpulan peserta bengkel empat hari yang diadakan di Pulau Pinang ini, bertujuan membuka peluang kepada peserta mendalami psikologi kanak-kanak dan memahami tahap perkembangan mereka, dan seterusnya menjadikan aspek lakaran atau lukisan sebagai agen mendidik dan mengembangkan potensi-potensi yang ada pada jiwa kanak-kanak melalui kaedah penyediaan modul pengajaran di dalam sebuah kelas.

Walau bagaimanapun, sebelum kaedah atau sesuatu modul pengajaran melalui lukisan boleh dibentuk, perlu kita fahami bahawa wujud beberapa faktor dalam pembangunan kreatif seseorang kanak-kanak, ia dikawal oleh satu sistem yang merangkumi aspek kognisi, afeksi (khayalan), perasaan, mental, atau percaya diri. Kesemua ini boleh dijelmakan menerusi pancaindera seperti kulit, telinga, hidung, lidah dan mata. Pergerakan otot-otot halus yang dihasilkan menerusi gerakan jari-jemari kanak-kanak ini dan juga gerakan otot kasar yang terhasil daripada hayunan-hayunan tangan, kaki dan badan boleh dilakukan semasa proses menggambar itu berlaku. Aktiviti-aktiviti ini seterusnya boleh dicapai menerusi permainan, lagu, cerita atau dongeng,

tarian, pantun malah gambar. Berlandaskan pada aspek yang telah diketengahkan oleh Howard Gardener (1983), Moelyono melihat potensi kanak-kanak itu boleh dibangunkan menerusi aspek-aspek seperti bahasa, logik, ruang, muzik, kinestetik, intrapersonal, interpersonal, naturalis, gambar dan juga ekstensialis, tetapi beliau berkeyakinan bahawa menggambar adalah salah satu cara membuka minda kanak-kanak untuk berekspresi dan diperkembangkan.

Kaedah pembentukan gambar atau imej menggunakan garis menjadi bentuk tertentu yang digunakan oleh Moelyono yang dilihat sebagai satu kaedah untuk membangun potensi rasa yakin pada diri bahawa setiap kanak-kanak itu boleh menghasilkan gambarnya sendiri. Kegiatan melakar atau mencoret ini boleh dilakukan dengan pelbagai aktiviti yang menyenangkan dan mudah serta dibantu dengan menggunakan alat yang dikutip daripada alam sekeliling. Secara tidak langsung, sikap "takut" kerana tidak mahir membuat lakaran akan lenyap dan membuka suatu ruang serta pengalaman baru di kalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Bengkel tersebut telah banyak memberi ruang dan peluang kepada orang dewasa mengenal, memahami dan membuat analisis tentang potensi-potensi yang boleh diusahakan dan dibangunkan menerusi kaedah bergambar melalui lukisan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, boleh diandaikan bahawa orang dewasa sekalipun, masih kurang sifat berani atau daya imajinasinya yang boleh diterjemahkan menerusi lukisan kerana melukis dirasakan sukar untuk dihasilkan dan tanggapan bahawa lukisan hanya boleh dihasilkan oleh orang-orang terpilih sahaja. Keperihalan ini jelas kelihatan semasa aktiviti bengkel berlangsung; sukar menukar sifat dewasa menjadi keanak-anakkan, menghalang para peserta untuk memberanikan diri dalam mengekspresikan diri mereka kecuali sesetengah peserta yang lebih menonjol penampilannya, mungkin mempunyai latar belakang seni. Dengan faktor inilah, kaedah melakar bermula daripada mengenal garisan yang digunakan oleh Moelyono sebagai cara menghilangkan rasa ragu-ragu terhadap kebolehpercayaan melukis atau mengekspresikan diri, bermula dengan menghasilkan garisan tidak beraturan, membentuk sebarang lakaran, mencoreng tanpa melihat kertas, mencoreng sesuka hati dan membuat garisan dalam variasi tebal nipis. Seterusnya diikuti dengan

sifat garisan yang lebih terarah, yang secara tidak langsung koordinasi antara perkembangan visual dan psikomotornya dihasilkan dengan lebih baik dan adakalanya setiap garisan yang dihasilkan boleh menghasilkan suasana atau *mood* tertentu, seperti marah, sedih, gembira dan senang. Pada tahap ini, akan memperkembangkan aspek fizikal dan jiwa peserta kanak-kanak apabila mereka mula menerokanya. Aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan merangsang kembali sifat keberanian itu untuk membuahkan hasil dan keyakinan di kalangan para peserta akan mula kelihatan; kaedah ini dipraktikkan di kalangan kanak-kanak sekalipun pastinya akan tetap sama.

Penekanan kepada mengajar peserta atau kanak-kanak untuk tidak “menggambar sesuatu” atau mengatakan “salah” atau “tidak cantik” terhadap lukisan yang dihasilkan, kerap kali ditekankan dan diberi perhatian oleh Moelyono. Ia boleh dianggap sebagai satu aktiviti yang kurang sihat amalannya dan tidak baik bagi perkembangan kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak hanya memerlukan “rangsangan” dan bukannya “arahan” yang bersifat “mendesak” bagi menjana daya imaginasi dan kreativiti mereka. Orang dewasa sekalipun mempunyai daya imaginasi berdasarkan pengalaman dan faktor sekelilingnya.

Bagi Moelyono cukup sekadar memerhati ekspresi garisan-garisan yang dihasilkannya itu adalah lebih wajar daripada mengamal sikap “perintah” terhadap golongan sasaran. Seterusnya, daripada kesan tersebut secara tidak langsung ia boleh menjadi media naratif untuk berkomunikasi dan ia boleh diterima serta difahami, malah boleh dihargai oleh setiap lapisan masyarakat kerana proses pembentukan stimulasi terhadap psikomotor, afeksi, kognisi, mental dan pancaindera itu boleh berkembang dan seterusnya menghapuskan rasa tidak yakin diri seorang kanak-kanak dan juga orang dewasa jika ia tidak disekat atau dihalang.

Golongan yang berperanan sebagai pembimbing atau fasilitator golongan kanak-kanak ini, perlu mengetahui aspek-aspek awal seorang kanak-kanak. Jika kita menyusuri semula tahap-tahap perkembangan kanak-kanak ini, terdapat beberapa tahap pembahagian menggambar sebuah lukisan bagi kanak-kanak. Antaranya adalah untuk kanak-kanak berumur 3 hingga 4

tahun atau kanak-kanak yang masih dianggap kecil, merupakan satu tahap yang masih melakar tanpa adanya arah tertentu dan hanya berlandaskan garisan semata-mata. Pemahaman terhadap situasi ini cuba untuk dipraktikkan oleh peserta bengkel dengan menghasilkan beberapa garisan menerusi bahan-bahan yang ada di sekeliling mereka. Kesan dan hasilnya pelbagai variasi garisan kelihatan terbentuk dan untuk peringkat ini pemahaman terhadap garisan itu bukan sahaja boleh dimulai dengan garisan malah boleh dimulai dengan kegiatan yang melibatkan psikomotor kanak-kanak dengan membentuk garisan-garisan menggunakan gerak badan mereka serta dibuat dalam kumpulan-kumpulan kecil di kalangan kanak-kanak.

Manakala bagi tahap kedua pula adalah untuk kanak-kanak yang berumur antara 5 hingga 7 tahun yang dikenali sebagai *golden age*, melihat gambar sebagai sebuah ekspresi, yang mungkin boleh disimpulkan di sini sebagai tahap yang mempunyai kesempatan bagi meneroka, menjelajah, bereksperimen dengan hal-hal yang baru, banyak menggunakan daya afeksi atau daya khayal dan fantasinya. Pada usia ini, pelbagai pengalaman yang berpandukan faktor sekeliling menjadi bahan bercerita seperti binatang peliharaan, kebun kesenian, taman dan rakan-rakan sekolah. Ia cuba untuk membangun ikatan emosi dengan apa yang dilukisnya. Untuk melihat keberkesanan tahap ini, peserta bengkel berpeluang memperkenalkan dirinya menerusi lakaran gambar wajah sendiri dan dijadikan sebagai *clock in or clock out* atau sistem kedatangan menggunakan wajah kanak-kanak yang mungkin boleh dipraktikkan oleh guru-guru tadika, tenaga pengajar taman asuhan, malah ibu bapa kanak-kanak itu di ruang belajar masing-masing.

Manakala, untuk kanak-kanak yang tahap usia antara 7 hingga 9 tahun dilihat sebagai usia yang menekankan gambar sebagai media cerita, ia banyak mengembangkan potensi kognisi atau daya pemikirannya dan wujud juga konsep ruang dalam sesebuah lukisan. Sifat psikologi kanak-kanak pada tahap ini adalah mereka tidak gemar menggambar apa yang dilihat melainkan apa yang diketahui. Daya imaginasi pada ketika ini lebih jelas kelihatan. Bagi kanak-kanak yang usianya antara 9 hingga 12 tahun, gambar yang cuba dipertontonkan adalah lebih bersifat realiti, iaitu kesedaran visual mula berkembang dan banyak perincian diberikan kepada setiap satu gambar yang dibuat.

Aplikasi metodologi yang digunakan oleh Moelyono terhadap tahap-tahap ini dengan diberi penekanan penggunaan titik menjadi coretan, dan daripada coretan menjadi garis dan daripada garis menjadi bentuk bulatan, dan daripada bulatan menjadi gambar yang banyak membantu peserta menghasilkan satu gambaran yang mungkin boleh dipelbagaikan dari segi naratifnya, seperti penceritaan tentang cita-cita, keluarga, makanan kegemaran, dan haiwan kesukaan. Kesemua ini adalah rentetan daripada pengenalan terhadap aspek garisan yang pada mulanya hanyalah dibentuk daripada titik-titik kecil yang corang-coreng tanpa arah tujuan. Tetapi pada tahap ini, penceritaan yang dihasilkan menerusi bulatan yang membentuk gambar telah berjaya melingkupi aspek sosial yang lebih luas dan para peserta bengkel sudah mula berani meluahkan ekspresi diri melalui gambaran lukisan yang dihasilkan, malah boleh diterjemahkan menerusi gerakan badan (*body movement*) dalam mempersembahkan sesuatu.

Apabila tinjauan dibuat semula, apa yang boleh diambil perhatian serta dirasakan penting adalah perkara yang berkaitan dengan perancangan bagaimana membuka minda kanak-kanak ini melalui sebuah penyediaan rancangan pengajaran. Penyediaan bengkel ini berfungsi sebagai penyalur maklumat kepada pembimbing atau fasilitator bagi mendapat data-data atau input-input baru dalam mengajar sebagai persediaan awal. Pembimbing kanak-kanak berperanan dalam menyediakan modul pengajaran yang baik dan mampu untuk merangsang kreativiti sama ada berpandukan aspek psikomotor, afeksi, mental atau pancaindera yang boleh dikembangkan melalui proses melakar atau membuat lukisan. Pada peringkat ini, para peserta diajak dan diberi peluang mencuba dan mengenal pasti subjek-subjek tertentu yang boleh diguna pakai dan dijadikan mata pelajaran di dalam kelas kelak. Memahami masalah yang ada, bereksperimen dengan aktiviti-aktiviti di dalam bilik mahupun di luar bilik bagi sesebuah modul yang telah dirancangan sama ada berbentuk permainan, lagu atau melakar, seharusnya mampu memberi rangsangan kepada golongan sasaran. Menerusi kerja berkumpulan dan berpandukan modul pengajaran yang diusahakan, modul tersebut diguna pakai sebagai percubaan melihat keberkesanannya terhadap kanak-kanak apabila sejumlah kanak-kanak daripada beberapa institusi rumah jagaan di sekitar Pulau Pinang dibawa bersama-sama ke bengkel ini.

Jelas sekali bahawa dengan wujudnya kesedaran terhadap psikologi kanak-kanak dan disertai dengan modul pengajaran yang mudah difahami setiap tujuan, objektif, media pengajaran sehinggalah pelaksanaan langkah-langkah di dalam sesebuah modul, memberi impak yang besar bagi seseorang kanak-kanak. Modul yang diketengahkan merupakan sebuah “rumah perlindungan” kanak-kanak untuk berimajinasi dan “rumah persediaan” bagi tenaga pengajar untuk mengawal dan membuat analisis. Malah modul yang diketengahkan sebenarnya boleh dikongsi merentasi sempadan daerah mahupun negara.

Keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa kanak-kanak harus ditanam kepada para pembimbing kanak-kanak, iaitu melalui “bahasa visual” dan “bahasa verbal” dan perlakuan seorang pembimbing itu sebagai orang yang serba boleh juga boleh diambil perhatian. Mengandaikan bahawa pembimbing atau guru kepada kanak-kanak itu sebagai seorang pelakon, pencerita yang hebat, penyanyi yang baik, merupakan satu bentuk stimulasi yang paling baik dan ia mampu bergerak mengikut alunan atau gaya kanak-kanak yang terlibat.

Secara keseluruhannya, bengkel empat hari ini merangkupi pendedahan terhadap persediaan yang perlu sebagai seorang pengasuh, pendidik mahupun penjaga bagi membentuk satu budaya pengajaran yang bersifat holistik. Membuka minda kanak-kanak melalui rangsangan-rangsangan tertentu menerusi lukisan membuka peluang yang cerah untuk melihat potensi kanak-kanak tertentu. Mungkin terdapat sedikit kejanggalan memahami penggunaan bahasa atau dialek Indonesia semasa penyampaian oleh Moelyono dan ia dapat dirasakan oleh peserta bukan berbangsa Melayu, namun terjemahan yang dibuat mungkin mampu untuk menyampaikan mesej yang ingin disalurkan. Kegiatan seperti ini patut diberi perhatian oleh semua individu yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dengan alam kanak-kanak agar kita mampu menyiapkan diri apabila berhadapan dengan dunia kanak-kanak yang penuh dengan segala kemungkinan.

Mohammad Khizal Mohamed Saat
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang



Foto 1 Pak Moelyono memberi input kepada peserta



Foto 2 Berbincang dalam menghasilkan modul pengajaran



Foto 3 Modul dicuba ke atas kanak-kanak



Foto 4 Modul dicuba ke atas kanak-kanak

Lukisan sebagai Media Ekspresi, Naratif
dan Analisis bagi Kanak-Kanak



Foto 5 Hasil lakaran kanak-kanak




Foto 6 Hasil daripada lakaran permulaan, iaitu daripada garisan membentuk bulatan dan daripada bulatan membentuk imej. Peserta melakar wajah mereka sendiri

CONTOH MODUL PENGAJARAN

Tujuan Menghasilkan Lakaran

1. Melatih psikomotor dan daya khayal kanak-kanak
2. Membuat lakaran garis menjadi bentuk gambar bulatan
3. Merangsang daya khayal daripada bentuk bulatan dibuat gambar wajah dengan diberi mata, hidung, mulut, telinga dan rambut

Aktiviti

1. Membuat coretan garis menjadi gambar bentuk bulatan
2. Membuat gambar wajah sendiri

Bahan dan Peralatan

1. Pen, pensil, marker, ranting kayu, permukaan pasir, kertas dan bahan-bahan lain yang sesuai

Langkah-Langkah Pelaksanaan

1. Menyiapkan bahan dan alatan
2. Meminta kanak-kanak menghasilkan lakaran menjadi bentuk bulat
3. Garis bulatan tadi dilakar menjadi bentuk wajah kanak-kanak
4. Setelah selesai, diminta kanak-kanak menceritakan permainan yang disukai, binatang yang disukai, lagu yang disukai dan apa cita-cita mereka

Dialog bersama Kanak-kanak

1. Siapa yang telah menghasilkan gambar bulatan?
2. Apakah yang boleh dihasilkan daripada gambar bulatan?
3. Mari kita tunjukkan hasil kerja kita kepada kawan-kawan yang lain dan ceritakan apakah yang anda suka buat, dan cita-cita anda apabila dewasa kelak

Modul ini diambil daripada lampiran/catatan Moelyono – gambar sebagai metodologi pendidikan holistik